



WARTA **K-PSNZ**

Edisi 2012 - Keluaran 10



Program
Bulan Membaca 2012

Aluan Pemangku Ketua Pustakawan

Assalamualaikum W.B.T dan Salam 1Malaysia,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T, dengan keizinanNya, warta edisi Julai-Disember 2012 telah dapat diterbitkan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengarang yang telah menyumbangkan idea dan pengalaman melalui penulisan dalam warta ini demi memastikan para pembaca mendapat maklumat yang terkini mengenai Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengguna Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, khususnya pelajar, pensyarah dan kakitangan kerana telah memberikan sokongan kepada perpustakaan sepanjang memberikan perkhidmatannya.

Bagi menyokong perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti dan memenuhi keperluan pelanggan, pelbagai perancangan telah ditetapkan oleh pihak pengurusan perpustakaan.

Setiap bahagian di PSNZ telah dipertanggungjawabkan untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan sasaran tersebut akan dinilai dan ditambahbaik dari masa ke semasa. Sehubungan dengan itu, saya amat mengharapkan pencapaian tersebut dapat memberikan kesan yang signifikan kepada pengguna perpustakaan dan saya amat menggalakkan penyertaan pengguna perpustakaan dalam memberikan pendapat yang dilihat mampu memantapkan penyampaian perkhidmatan oleh PSNZ. Justeru itu, penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui komunikasi dua hala diantara PSNZ dan pelanggan. Saya amat berkeyakinan bahawa laman sosial Facebook PSNZ boleh menjadi platform yang amat bersesuaian bagi memenuhi maksud tersebut.

Kini, PSNZ sedang berusaha untuk memperkasakan *Institutional Repository* (IR) perpustakaan. Perkembangan (IR) di UMT bakal memberikan manfaat yang besar kepada pengguna perpustakaan, khususnya untuk penggunaan koleksi digital. Pengwujudan (IR) ini adalah selaras dengan hasrat pihak pengurusan universiti untuk melihat perkembangan ICT sebagai salah satu usaha transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru pengguna perpustakaan agar dapat mengambil peluang ini sebagai salah satu "sumber alternatif" yang boleh menambah nilai pengetahuan dan memudahkan pembelajaran secara atas talian.

Akhir kalam daripada saya, pihak pengurusan dan warga kerja PSNZ akan terus menggandakan usaha dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna melalui pemeraksanaan ICT sebagai teras sokongan akademik dan saya juga berharap pembacaan warta ini boleh dijadikan sebagai salah satu medium untuk meningkatkan pengetahuan serta membantu ke arah pembentukan masyarakat yang mencintai ilmu.

Sekian, Terima Kasih

ATIP ALI

Pemangku Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah



Artikel 1: Program Bulan Membaca PSNZ 2012

Oleh: Mohd Hairolanuar Mohammad – hairol@umt.edu.my

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah telah menganjurkan program tahunannya iaitu Program Bulan Membaca 2012. Program yang telah berlangsung selama 3 hari ini bermula 25 hingga 27 September 2012 telah menganjurkan pelbagai aktiviti seperti :

- Latihan Pangkalan Data
- Pertandingan Amazing Words Race
- Pertandingan Fotografi
- Pertandingan Sahiba
- Pertandingan Teka Mukasurat dan Berat Buku
- Ceramah : Penerapan dan Kepentingan Budaya Membaca Di Kalangan Warga Kampus (Perspektif Islam)
- Pameran Jemputan : Kementerian Kesihatan Malaysia, Arkib Negeri, Muzium Negeri
- Program Derma Darah, kerjasama Pusat Kesihatan Universiti dan Hospital Sultanah Nur Zahirah
- Penyampaian Hadiah Top Borrower



Program yang telah diadakan ini melibatkan warga universiti dan warga komuniti setempat dari pelajar sekolah angkat PSNZ sekitar Kuala Terengganu. Program ini juga telah memberikan impak yang positif kepada pengunjung dalam usaha memupuk budaya mencintakan ilmu kerana maklumbalas yang diterima oleh pelajar amat memberansangkan. Program ini akan diteruskan dimasa akan datang sebagai program tahunan perpustakaan.

Artikel 2: PSNZ Anjur (2) Program USR Yang Mendekati Warga Pendidik Pada Bulan September dan Oktober 2012

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi – msn@umt.edu.my

PSNZ melalui Seksyen Promosi dan Khidmat Komuniti telah menjayakan (2) program tanggungjawab universitinya. Program yang dimaksudkan adalah Program Kursus Pertengahan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah Guru Perpustakaan dan Media Negeri Terengganu pada 17 hingga 20 September 2012 serta Program Khidmat Bantu Sekolah Angkat PSNZ (SMK Mengabang Telipot, Kuala Terengganu) pada 23 dan 24 Oktober 2012.



Program Kursus Pertengahan adalah anjuran bersama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu dan telah melibatkan (3) orang Pustakawan PSNZ. Pustakawan PSNZ telah dilantik sebagai Fasilitator program dan telah membentangkan kertas kerja kepada guru pusat sumber dan antara kertas yang telah dibentangkan adalah seperti berikut:

1. "Literasi Maklumat dan Kemahiran Pencarian Maklumat" – En Amir Abdul Khalik
2. "Sumber-Sumber Rujukan Maklumat Pusat Sumber" – En Mohd Shahrulnizam Zuraimi
3. "Strategi Pencarian Maklumat Menggunakan OPAC" – En Mohd Hairolanuar Mohammad

Kertas-kertas yang telah dibentangkan telah mendapat maklumbalas yang amat baik daripada guru pusat sumber dan telah memberikan pendedahan khusus dalam menguruskan sumber-sumber maklumat di Pusat Sumber Sekolah.



Dalam program lain pula, PSNZ telah menganjurkan program khidmat bantu di SMK Mengabang Telipot pada 23 dan 24 Oktober 2012. Program ini telah melibatkan 13 orang pelajar sekolah dan 13 orang kakitangan PSNZ. Pelajar dan kakitangan PSNZ telah membuat kerja-kerja pengemaskinian bahan-bahan pusat sumber dan aktiviti yang telah dilakukan ialah pelabelan semula bahan dan susun atur bahan. Penerangan mengenai sistem pengelasan DDC telah ditunjukkan oleh Pustakawan kepada pelajar bertujuan meningkatkan pemahaman mereka mengenai kaedah pengkatalogan dan penyusunan bahan dengan betul. Program yang telah diadakan ini merupakan program tahunan PSNZ dan dilihat memberi kesan yang baik dalam hubungan komuniti universiti dan sekolah khususnya dalam pengurusan pusat sumber sekolah.

Artikel 3: MAJLIS PERJUMPAAN PIHAK PENGURUSAN PSNZ BERSAMA MPP UMT SESI 2012-2013

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi – msn@umt.edu.my

Pada 23 Oktober 2012, PSNZ telah mengadakan satu perjumpaan bersama barisan kepimpinan MPP UMT yang baharu. Perjumpaan telah dipengerusikan oleh Mohd Shahrulnizam Zuraimi serta dihadiri oleh seramai 16 orang Pustakawan PSNZ dan seramai 10 orang wakil daripada barisan MPP UMT. Pertemuan suai-kenal ini adalah bagi mengenali barisan pengurusan MPP yang baharu serta membincangkan perkara-perkara berbangkit mengenai perkhidmatan perpustakaan.



Perjumpaan yang telah diadakan ini membincangkan pelbagai agenda serta isu-isu yang berkait rapat dengan pelajar dalam menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Beberapa perkara telah dibincangkan adalah seperti berikut:

- *Log in* untuk akses portal
- Pengendalian bilik 24 jam
- Soalan peperiksaan tahun kebelakangan
- Terma penggunaan fasiliti
- Etika pemakaian pelajar
- *MyTo (Malaysian Theses Online)*
- Status penubuhan Kelab Rakan PSNZ

Perjumpaan yang telah diadakan ini banyak memberi input yang positif kepada pihak pengurusan PSNZ serta MPP UMT. Sesi perbincangan ini menggalakkan penyertaan MPP dalam memberikan idea yang boleh memberi manfaat kepada pelajar disamping meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian melalui penambahbaikan yang akan dilakukan.



Artikel 4: PROSES KERJA DAPATAN DAN PROSESAN KERTAS KERJA SEMINAR ATAU KONFERENSI

Oleh: Wardah Nazihah Othman – wno@umt.edu.my


Kertas kerja seminar merupakan salah satu koleksi yang terdapat di Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu. Kertas kerja yang telah dibentangkan oleh penyarah di sesebuah seminar akan dihantar ke perpustakaan dan diproses dan dijadikan sebagai koleksi. Bagi memastikan kelancaran proses ini, Seksyen Hadiah dan Pertukaran telah di-pertanggungjawabkan bagi memastikan proses dapatan ini dapat dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Objektif

Prosedur ini disediakan untuk menerangkan dengan jelas setiap langkah dan kaedah yang digunakan dalam proses penerimaan kertas kerja seminar/ konferensi untuk dijadikan sebagai koleksi perpustakaan.

Skop

Prosedur ini meliputi proses dapatan, semakan dan penerimaan kertas kerja/ seminar yang telah dihadiri oleh penyarah Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan kepada surat kelulusan menghadiri seminar/ konferensi yang diterima dari Pejabat Pendaftar UMT. Hanya kertas kerja seminar/ konferensi yang lengkap sahaja yang akan diproses sebagai koleksi. Ringkasan, abstrak atau kesimpulan tidak akan diproses.

Tanggungjawab/Keterangan	Carta Alir	Rujukan
<p>1. P terima surat kelulusan menghadiri seminar/ konferensi daripada Pejabat Pendaftar</p> <p>2. PPK rekod butiran surat yang diterima</p> <p>1.Nama peserta</p> <p>2.Tarikh seminar/ konferensi</p> <p>3.Tarikh kembali dari seminar/ konferensi</p> <p>3. PPK hantar Surat Permohonan Bahan dan Borang Penyerahan Bahan kepada penyarah</p> <p>3.1 Sekiranya terima terus ke proses 5</p> <p>3.2 Sekiranya tidak terima terus ke proses 4</p> <p>4. PPK membuat permohonan susulan melalui telefon/ emel/ maklumkan kepada Pejabat Pendaftar</p> <p>5. PPK rekod penerimaan bahan</p> <p>6. PPK hantar Surat Akuan Terima Bahan kepada penyarah</p>	 <pre>graph TD; M((Mula)) --> 1[1]; 1 --> 2[2]; 2 --> 3{3}; 3 -- 3.1 terima --> 5[5]; 3 -- 3.2 tidak terima --> 4[4]; 4 --> 5; 5 --> 6[6]; 6 --> A((A));</pre>	

Artikel 4: PROSES KERJA DAPATAN DAN PROSESAN KERTAS KERJA SEMINAR ATAU KONFERENSI

(sambungan)

Oleh: Wardah Nazihah Othman – wno@umt.edu.my

Tanggungjawab/Keterangan	Carta Alir	Rujukan
<p>7. PPK semak bahan 7.1 Sekiranya lengkap terus ke proses 8 7.2 Sekiranya tidak lengkap, bahan tidak akan diproses</p>	<pre> graph TD A((A)) --> D7{7} D7 -- "7.1 lengkap" --> R8[8] D7 -- "7.2 tidak lengkap" --> D7 R8 --> R9[9] R9 --> D10{10} D10 -- "10.1 looseleaf" --> R11[11] D10 -- "10.2 monograf" --> R12[12] R11 --> R12 R12 --> R13[13] R13 --> R14[14] R14 --> R15[15] R15 --> S((Selesai)) D10 --> S </pre>	
<p>8. PAP buat proses awal fizikal bahan</p>		
<p>9. P katalog bahan</p>		
<p>10. P tentukan bentuk bahan 10.1 Sekiranya bahan berbentuk <i>looseleaf</i>, terus ke proses 11 10.2 Sekiranya bahan berbentuk monograf terus ke proses 12</p>		
<p>11. PPK hantar ke BPAU untuk dijilid</p>		
<p>12. PP terima bahan untuk proses cetak label dan tampal pada bahan</p>		
<p>13. PAP masukkan strip keselamatan dan RFID pada bahan</p>		
<p>14. PP semak bahan yang siap diproses</p>		
<p>15. PP hantar bahan ke BPPM beserta memo</p>		

Terminologi / Singkatan

P	- Pustakawan	PP	- Pembantu Perpustakaan
PPK	- Pembantu Perpustakaan Kanan	PAP	- Pembantu Am Pejabat
AACR2	- <i>Anglo American Cataloging Rules 2</i>	LCSH	- <i>Library of Congress Subject Headings</i>
LCCS	- <i>Library of Congress Classification Schedules</i>	RFID	- <i>Radio Frequency Identification</i>
BPPM	- Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat	BPSI	- Bahagian Pembangunan Sumber Ilmu
BPAU	- Bahagian Pengurusan Arkib Universiti		

Semoga prosedur kerja yang telah diterangkan ini sedikit sebanyak memberikan panduan kepada pensyarah/penyelidik yang berminat untuk menyumbangkan bahan untuk koleksi perpustakaan.

Artikel 5: KEMBARA ILMU DI EDITH COWAN UNIVERSITY, PERTH, WESTERN AUSTRALIA

Oleh: Sharifah Akmal Syed Abdul Rahman – sh_akmal@umt.edu.my

Tanggal 16 November 2011 jam 3.00 petang, penulis telah menjejakkan kaki di Perth, Western Australia untuk menjalani program sangkutan luar Negara yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar UMT. Perjalanan penulis ke sana yang mengambil masa lima (5) jam dari Kuala Lumpur ditemani oleh Pn. Suria Razila Mansor daripada Pejabat Bendahari.

Perth, salah sebuah bandar yang unik dan sangat menarik di Australia menyambut ketibaan kami dengan suhu sekitar 20-25°C. Cuaca di penghujung musim luruh ini tidaklah terlalu sejuk bagi mereka yang berasal dari kawasan Khatulistiwa seperti Malaysia.

Sepanjang perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Perth ke North Beach menyaksikan pemandangan yang begitu cantik, kemas dan bersih, sesuai dengan fungsinya sebagai ibu negeri Western Australia.

Walaubagaimanapun, penulis ditempatkan agak jauh daripada bandar ini memandangkan Edith Cowan University (ECU) terletak di daerah Joondalup, kira-kira 37km dari Perth.

Menelusuri sejarah Edith Cowan University, ianya merupakan sebuah universiti awam yang dimasyhurkan sempena nama seorang wanita pertama yang terpilih menjadi ahli Parlimen Australia iaitu Edith Cowan. ECU juga merupakan satu-satunya universiti yang dinamakan sempena nama wanita di Australia. Penulis begitu teruja untuk menimba ilmu dan pengalaman dalam kaedah pengurusan perpustakaan serta menjalin kerjasama dan rangkaian perkongsian maklumat dengan perpustakaan ECU.

Hari pertama di ECU, penulis bersama rakan telah menuju ke University Visitors Centre di mana kami telah disambut oleh pegawai yang bertugas. Kami telah diberikan penerangan mengenai sejarah dan maklumat semasa mengenai ECU. Penulis kemudian diperkenalkan kepada pegawai perpustakaan iaitu Greg Bates yang merupakan Pustakawan Kanan di Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan. Beliau bertanggungjawab menyediakan jadual untuk penulis dan bertindak sebagai penyelia sepanjang tujuh (7) hari penulis menjalani program sangkutan di ECU ini.

Sepanjang tempoh tersebut, penulis telah didedahkan kepada hampir semua proses kerja utama yang terdapat di Perpustakaan ECU. Penulis juga telah berpeluang untuk menghadiri seminar separuh hari iaitu WISE Sharecase 2011 yang berlangsung di Murdoch University dan dihadiri oleh pustakawan-pustakawan dari seluruh perpustakaan universiti di Western Australia (WAGUL). Peluang keemasan ini digunakan oleh penulis untuk melawat Perpustakaan Murdoch University serta berkongsi inovasi dalam perkhidmatan rujukan dan maklumat dengan pustakawan dari Western Australia umumnya.



Sebagai kesimpulan hasil daripada pemerhatian di perpustakaan ECU, penulis berpendapat bahawa terdapat empat (4) kriteria utama yang boleh dijadikan panduan bagi Perpustakaan UMT menjadi lebih efisien dalam penyediaan perkhidmatan perpustakaan bagi memenuhi keperluan pelanggan iaitu :

1. Penggunaan teknologi terkini yang saling berhubungkait antara satu sama lain menjadikan proses kerja lebih efisien dan mengurangkan tempoh masa yang diambil untuk memproses sesuatu aktiviti/permohonan berbanding proses secara manual;

2. Mewujudkan kerjasama yang lebih erat dengan ahli akademik dalam membangunkan koleksi yang kukuh serta menyediakan kursus/kelas berkaitan kemahiran literasi maklumat /*research and writing skill* yang menjurus kepada keperluan pensyarah dan pelajar;

3. Membuat perubahan minda tentang peranan pustakawan daripada *information provider* kepada *consultant* seterusnya menjadi *trusted partner* kepada ahli akademik dan;

4. Pembentukan jalinan kerjasama dan penyatuan yang erat antara semua pustakawan perpustakaan universiti seperti WAGUL dan CAUL di Western Australia dalam usaha untuk menjadikan rangkaian perkongsian maklumat antara universiti lebih mudah dan cepat.



Akhir coretan, program sangkutan ini telah memberikan satu pengalaman yang amat berharga kepada penulis sepanjang berkhidmat di Universiti Malaysia Terengganu. Melalui Program sangkutan ini, penulis telah berpeluang untuk merasai sendiri pengalaman bekerja dengan warga asing dan mengenali budaya kerja mereka yang sangat berdisiplin, tekun dan menepati masa. Walaupun tempoh yang diberikan agak singkat, penulis telah dapat menggunakan waktu yang terhad ini untuk memahami dan mempelajari proses kerja yang berlaku di Perpustakaan Edith Cowan University, Joondalup Campus, Western Australia. Penulis ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Pengurusan Universiti dan pihak Pejabat Pendaftar di atas peluang keemasan yang diberikan ini.



Artikel 6: KELEBIHAN BEKERJA DENGAN IKHLAS

Oleh: Rabiatul Addawiyah Hanim Mohd Rosli – hanim@umt.edu.my

Kelebihan bekerja dengan ikhlas.

Pelbagai tafsiran mengenai ikhlas dan ianya begitu sinonim dengan sikap seseorang. Menurut Kamus Dewan, ikhlas dapat ditafsirkan keadaan apabila seseorang melakukan sesuatu dan tidak mengharapkan apa-apa balasan iaitu dengan suci hati, tulus atau sangat jujur. Ikhlas seringkali dikaitkan dengan pekerjaan. Melalui keikhlasan juga kejayaan dapat dicapai dalam pekerjaan seterusnya keseluruhan kehidupan.

Kelebihan bekerja dengan ikhlas dapat diuraikan seperti berikut:-

1. Mendapat Kekuatan, Kebijaksanaan dan Kesabaran

Orang yang ikhlas akan mendapat bantuan dalam melaksanakan kerjanya. Apabila seseorang hamba ikhlas, "talian hayatnya" akan senantiasa bersambung dengan Maha Pencipta. Tuhan tidak akan mengecewakan hambaNya yang ikhlas. Dia sentiasa memberi bantuan apabila hambaNya memohon pertolongan.

2. Taat Orang Atasan dan Hormat Orang Bawahan

Orang yang ikhlas akan mentaati perintah, teguran dan keputusan atasannya selagi tidak bercanggah dengan syariat. Ketaatan itu bukan mengampu sebaliknya dilakukan atas dasar taat kepada Allah. Begitu juga, mereka akan menghormati orang bawahannya, mengasihi dan tidak menzaliminya. Mereka faham bahawa pemimpin perlu memegang amanah dan bukan memeralatkan orang bawahan untuk kepentingan peribadi.

3. Yakin dan Berani Menyatakan Pandangan dan Pendirian

Ketaatan dalam agama tidak menutup pintu perbincangan atau mesyuarat untuk menyatakan pandangan dan pendirian. Justeru, orang yang ikhlas tidak teragak-agak untuk menyatakan pendiriannya apabila kena pada tempat, masa dan suasananya. Apa yang dirasakan benar, dinyatakannya dengan jelas dan beradab sekalipun pahit. Dia tidak akan bermuka-muka. Kata-katanya adalah dari hati bukan "ambil hati" dan dia bertanggungjawab atas pendiriannya bukan bersifat "lempar batu, sembunyi tangan".

4. Hasil Kerja Berkualiti dan Produktif

Jika seseorang bekerja kerana gaji, maka dia tidak akan bekerja melebihi kadar gaji yang diterimanya. Tetapi jika seseorang bekerja ikhlas kerana Tuhan, dia akan melipat gandakan kerjanya di tahap terbaik kerana yakin ganjaran daripada Tuhan jauh lebih banyak, baik dan kekal. Dia juga menjadi pekerja yang produktif, tanpa memilih hanya kerja yang ada nilai "*self promotion*" (ganjaran pangkat dan gaji) malah dia juga giat dalam kerja-kerja yang memberi nilai "*self improvement*" (peningkatan nilai murni dalam diri). Tegasnya, dia tidak terlalu berkira dengan tenaga, masa, dan sentiasa bersedia untuk melakukan kerja-kerja sukarela dan khidmat masyarakat.

5. Terhalang daripada Melakukan Penyelewengan

Pekerja yang ikhlas tidak perlu dipantau oleh "punch card", CCTV, dan peraturan-peraturan yang ketat untuk menghalangnya daripada rasuah, ponteng, curi tulang, dan lain-lain perbuatan negatif kerana dia merasakan dirinya diawasi oleh Maha Pencipta. Walaupun begitu, tidak salah menggunakan sistem pemantau luaran kerana sifat ikhlas sedang dalam pembinaan sekaligus juga membantu proses mujahadah untuk mendapat keikhlasan.

6. Hubungan Harmoni Sesama Rakan Sekerja

Orang yang ikhlas tidak akan mengampu, sabotaj, dan gemar bercerita tentang perihal rakan sekerja yang lain. Orang yang ikhlas hanya mengharapkan ganjaran dari Maha Pencipta dan tidak ada sebab untuk mereka menzalimi orang lain demi mendapat pujian, pangkat dan ganjaran material. Tempat di sisi Maha Pencipta sentiasa luas dan tidak perlu berebut-rebut berbanding tempat di dunia yang sempit lagi terhad.

Justeru, amat bertepatan sekali pelaksanaan tanggungjawab sebagai penjawat awam di UMT jika dikaitkan dengan ajaran di dalam agama dan Nilai- Nilai Lestari UMT yang menerapkan elemen positif seperti Beriman, Berilmu, Berbakti, Bermaruah, Beramanah, Berjiwa Besar dan Berwawasan.

Kesemua elemen tersebut jika dapat diaplikasi di dalam rutin tugas dan kehidupan setiap penjawat awam, maka secara lansung tugas dapat dilaksanakan dengan betul- betul ikhlas. Penjawat awam yang ikhlas dalam melaksanakan tanggungjawab dapat membantu mencapai kelestarian masyarakat umumnya, jabatan dan negara khususnya.

Artikel 7: SUMBER-SUMBER RUJUKAN DI PERPUSTAKAAN

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi – msn@umt.edu.my

Definisi:

“Sumber rujukan adalah bahan maklumat yang digunakan secara khusus oleh pengguna dalam menyokong penyelidikan, aktiviti penghasilan maklumat baharu serta membantu dalam pembuatan keputusan”

- ✓ Sumber rujukan terbahagi kepada 3 kategori:
- ✓ Primer
- ✓ Sekunder
- ✓ Tertier
- ✓ Wujud dalam format berikut:
- ✓ Bercetak
- ✓ Tidak Bercetak

Sumber Rujukan Primer:

- ✓ Sumber rujukan primer adalah bahan-bahan asal yang dirujuk dalam membantu penghasilan maklumat sekunder dan menjadi asas yang kuat dalam kajian sesuatu subjek yang khusus.
- ✓ Sumber rujukan primer merupakan catatan khusus mengenai peristiwa penting dan sumber tersebut dihasilkan oleh individu atau organisasi yang mempunyai autoriti/pengalaman mengenai

Contoh sumber rujukan primer:

- ✓ Terbitan berkala / terbitan bersiri, Jurnal.
- ✓ Laporan penyelidikan.
- ✓ Penerbitan kerajaan / penerbitan rasmi.
 - Sirkular
- ✓ Paten.
- ✓ Piawaian.
- ✓ Disertasi / tesis
- ✓ Prosiding, konferens.

Sumber Rujukan Tertier:

- ✓ Sumber rujukan tertier dikenali sebagai sumber umum. Ia merupakan maklumat yang telah diterima umum dari sumber-sumber primer. Bahan ini telah diolah dan disusun mengikut format yang mudah difahami dan sistematik.

Contoh sumber rujukan tertier:

- ✓ Buku tahunan.
- ✓ Bibliografi kepada bibliografi.
- ✓ Panduan kepada penerbitan (Guides to the literatures).
- ✓ Panduan kepada perpustakaan.
- ✓ Panduan kepada sumber maklumat.
- ✓ Panduan kepada organisasi.
- ✓ Slaid persembahan
- ✓ OPAC

Format Sumber Rujukan:

- ✓ Bercetak
- ✓ Kamus/Ensiklopedia
- ✓ Buku Panduan/Gambar/Peta
- ✓ Direktori/Risalah
- ✓ Keratan Akhbar
- ✓ Tidak Bercetak
- ✓ Cakera Padat/Video Tape
- ✓ Pangkalan Data/E-Book/E-Journal
- ✓ Enjin Carian Atas Talian
- ✓ Kit Audiovisual
- ✓ OPAC

Sumber Rujukan Sekunder:

- ✓ Sumber rujukan sekunder bermaksud penggunaan bahan yang telah diolah daripada sumber rujukan primer melalui ulasan, interpretasi dan perbualan.

Contoh sumber rujukan sekunder:

- ✓ Surat khabar
- ✓ Majalah
- ✓ Abstrak
- ✓ Almanak
- ✓ Kamus
- ✓ Ensiklopedia
- ✓ Buku panduan/teks
- ✓ Pangkalan Data

Adalah penting untuk mengenali dan mengetahui cara menggunakan sumber rujukan dengan betul. Ini adalah bagi memastikan penggunaan maklumat tersebut dapat dimanfaatkan dengan tepat dan tidak membawa maksud yang tidak benar. Perpustakaan merupakan gedung ilmu yang menempatkan pelbagai jenis sumber rujukan dan pengguna perpustakaan adalah amat dialu-alukan untuk membuat pertanyaan atau khidmat nasihat daripada Pustakawan dalam menggunakan sumber-sumber rujukan tersebut.

Artikel 8: ULASAN BUKU-BUKU MENARIK

Oleh: Amir Abdul Khalik – amilik@umt.edu.my


Judul Buku : Jerusalem Baru: Kuasa Zionis di Amerika

Pengarang : Michael Collins Piper

Terjemahan oleh: Abu Bakar Ahmad

Diterbitkan oleh : American Free Press, Washington D.C.: 2003 (Terbitan Asal)

Terbitan Versi Bahasa Melayu oleh : Saba Islamic Media Sdn. Bhd.: 2004



Buku ini dikarang oleh Michael Collins Piper, seorang pengarang yang banyak mengkaji dan menyelidik isu-isu berkaitan konspirasi dan konflik-konflik yang melanda masyarakat dunia sekarang ini.

Buku ini telah diharamkan penerbitannya di Amerika Syarikat, kerana dikatakan berunsur Anti-Semitik/Anti-Yahudi.

Pengarang banyak merujuk kepada beberapa orang tokoh, yang turut dicemuh kerana dikatakan Anti-Semitik apabila menyebarkan kepada rakyat Amerika mengenai betapa berpengaruhnya keluarga dan logi Yahudi dalam menentukan halatuju perjalanan Negara yang dikatakan begitu mendokong semangat Demokrasi itu. Ruth Cramer Waters, Mendiang Kolonel Dallas Texas Naylor, Eustace Mullins dan Paul Christian Wolf di antara segelintir pihak yang menjadi rujukan pengarang, berikutan pengkajian mendalam, keberanian dan pengalaman mereka menyuarakan bahaya pengaruh Yahudi dan Zionis di Amerika dan di peringkat antarabangsa.


Berikut merupakan topik-topik yang dirangkumi dalam penulisan buku ini:

1. Pengenalan: Semitik dan Anti-Semitik : Konflik Zaman Berzaman;
2. "Bangsawan Baru" Amerika: Satu tinjauan ringkas yang telus & bersimpati berkenaan tajuk yang paling sukar itu;
3. Korupsi ala "Amerika":ENRON – Kaitan Zionis yang kurang ditonjolkan (walaupun tersangat rapat kaitannya);
4. Peristiwa INSLAW: Kawalan Zionis ke atas Badan Kehakiman dan Jabatan Keadilan Amerika Syarikat;
5. Geng Bronfman: Keluarga Diraja Yahudi Amerika;
6. Dua Gergasi Media Utama: Empayar Meyer-Graham dan Newhouse;
7. Keluarga Yahudi Amerika yang terkaya dan paling berkuasa: Mereka yang bermaharajalela;
8. Siapa Mendalangi Trump? Kisah Aneh "Si Donald";
9. Fakta dan Angka yang kukuh: Kekuasaan Zionis di Amerika hari ini - Mengikut sumber-sumber Yahudi;
10. Nama-nama Yahudi dalam Forbes 400 (2004);
11. Penghakiman Muktamad;
12. Ahli Falsafah Zionis Moden: "Amerika MEMANG Jerusalem baru".

Artikel 8: ULASAN BUKU-BUKU MENARIK (sambungan)

Oleh: Amir Abdul Khalik – amilik@umt.edu.my


Judul Buku : Keajaiban Bersyariat & 20 Tanda-tanda Murtad: Penghalang dan Puncaknya
Pengarang : Muhammad Hafizi Hasbullah
Terbitan : Pustaka Ilmuan: 2010



Buku ini menceritakan mengenai aspek aqidah, ketauhidan manusia kepada Allah Ta'ala, penerangan mengenai konsep Syahadatain serta kaitannya dengan segala aspek kehidupan manusia. Kandungan buku ini dibahagikan kepada empat bab utama, dengan tiga bab utama membicarakan mengenai konsep Syahadatain (Dua Kalimah Syahadah) dan perkaitannya dengan segala sistem kehidupan manusia. Bab Keempat pula mengetengahkan persoalan 20 tanda-tanda Murtad, yang berlegar di sekeliling kehidupan seharian ummat Islam.

Bagi para pembaca yang ingin menambah pengetahuan mengenai kedua-dua aspek ini, buku ini disarankan dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan untuk meluaskan lagi khazanah maklumat di dalam diri pembaca. Setiap penerangan yang diketengahkan juga mampu memantapkan kefahaman kita mengenai kepentingan berpegang serta sentiasa memperbaharui syahadah, agar kita terselamat dan terhindar daripada termasuk golongan yang memiliki tanda-tanda murtad. Penerangan mengenai tanda-tanda murtad juga wajar dijadikan sebagai satu peringatan dan muhasabah kepada setiap diri ummat Islam, bagi mengelakkan termasuk ke dalam golongan murtad, yang akan mengalami kerugian hidup di dunia dan di akhirat.

Judul Buku : Jenayah Yahudi Terhadap Dunia Islam
Judul Asal : *Al-Khatrul Sohyuuni 'Alal 'Aalamil Islaami*
Pengarang : Dr. Majid Kailani
Terbitan : Pustaka Syuhada (2002)
Diterjemahkan oleh: Abdullah Baraja



Penulisan buku ini berkisar kepada penerangan segala aspek perancangan Yahudi yang telah bermula sejak sekian lama. Bermula daripada Kongres Yahudi Antarabangsa I (Bale, Switzerland, 1890), Theodore Herzl, seorang bekas peguam daripada Austria, telah mengumumkan pengumuman konsep 'Zionisme' serta perancangan menguasai seluruh dunia dan menjadikan seluruh ummat manusia (selain Yahudi) sebagai hamba-hamba kepada ummat Yahudi. Perancangan ini telah digariskan sebegitu rapi menerusi pengasasan satu piagam "*The Principles of the Learned of the Elders of Zion*".

Pengarang buku ini juga merupakan seorang yang telah mengalami pengalaman secara langsung berhadapan dengan segala bentuk kepayahan, tekanan dan turut menjadi tahanan sewaktu menyiapkan penulisan-penulisan beliau yang membongkar segala bentuk konspirasi, rancangan dan agenda Yahudi di negara-negara Islam.

Buku ini perlu dijadikan sebagai salah satu bahan bacaan dan rujukan kepada semua ummat Islam, dan tidak keterlaluan jika dikatakan rakyat Malaysia, bagi mengetahui dan menyedari betapa rapinya dan liciknya perancangan Yahudi, yang telah menggunakan segala bentuk sumber dan cara untuk memastikan perancangan dan impian mereka menguasai dunia secara terus-menerus tercapai.

Penulis juga memaklumkan segala perancangan dan kejahatan Yahudi ke atas ummat manusia sekarang ini, bersandarkan keyakinan dan pegangan mereka kepada kitab Talmud* yang mengungkapkan; "Bangsa Yahudi berasal dari unsur Tuhan dan bangsa-bangsa lainnya berasal dari haiwan (goyyim). Jika terjadi perselisihan antara Tuhan dan Hakhom (Pemuka Agama Yahudi), maka kebenaran ada di pihak Hakhom. Bangsa Yahudi dibenarkan menipu, menganiaya, dan memperkosa bangsa lainnya".

Jadikanlah buku ini sebagai sumber rujukan, untuk mengetahui segala bentuk perancangan Yahudi, dan menjadi peringatan kepada diri kita semua agar tidak terus terperangkap dengan 'jarum-jarum Yahudi' yang sentiasa berlegar meracuni kehidupan manusia.

Artikel 9: MEREVOLUSIKAN PERPUSTAKAAN DENGAN PERKEMBANGAN MEDIA SOSIAL

Oleh: Harisom Anida Musa – harisom@umt.edu.my

Banyak pendapat menyatakan peranan seorang pustakawan itu telah berubah dengan perkembangan teknologi di abad 21 ini. Adakah unsur "manusiawi" pustakawan itu kian dipinggirkan memandangkan kebanyakan hal telah di ambil alih oleh ICT seperti *Google* yang menjadi punca rujukan utama pengguna masa kini? Sebagai seorang pustakawan profesional, kita harus sentiasa memastikan aspek manusia itu masih penting dan relevan walaupun adanya kehadiran dominan ICT di senario Perpustakaan. Seorang pustakawan masih perlu untuk memberi sentuhan *magisnya* kepada pengguna dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan.



